



SEMINAR KEPUSTAKAWANAN 2014

25-26
SEPTEMBER 2014
MERDEKA PALACE
KUCHING

MEMPERKASAKAN INISIATIF
KHIDMAT MAKLUMAT SEHENTI

ANJURAN
PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Kata Aluan Naib Canselor



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Perpustakaan merupakan tulang belakang kepada sesebuah institusi pengajian tinggi dalam menyediakan pelbagai sumber maklumat melalui pelbagai media seperti media cetak dan elektronik bagi memenuhi aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan yang diperlukan. Kecemerlangan sesebuah perpustakaan atau pusat sumber sangat bergantung kepada keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkualiti dan menepati permintaan pengguna. Pengguna memainkan peranan yang penting bagi mengukur tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah perpustakaan. Dalam era digital dan dunia tanpa sempadan ini, perkhidmatan perpustakaan sudah banyak berubah selari dengan keperluan pengguna yang pelbagai dan kian meningkat. Perpustakaan kini juga mengorak langkah dalam membangun inisiatif khidmat maklumat sehenti. Perpustakaan digital, platform pencarian maklumat sehenti, capaian 24X7 adalah antara perkhidmatan maklumat sehenti yang popular masa kini.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas kekuasaan dan kebesarannya memberikan kita kesejahteraan dan kedamaian untuk kita terus bergerak dengan aktiviti dan program yang bermanfaat untuk kebaikan sejagat. Seminar keilmuan sebegini haruslah diteruskan bagi menghasilkan perkongsian pintar yang lestari dengan keperluan semasa. Inilah yang saya harapkan terutama dalam menggerakkan program keilmuan bagi kecemerlangan kesarjanaan.

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta Seminar Kepustakawanan 2014. Syabas dan tahniah kepada Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) atas penganjuran sesi keilmuan kali ke 3 ini. UNIMAS sentiasa menyokong usaha PKMA dalam penganjuran seminar sebegini. Semoga usaha ini akan membuahkan hasil yang memberansangkan dan mencapai objektif yang diharapkan.

Akhir kata, Seminar Kepustakawanan 2014: Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti ini, diharapkan menjadi satu platform yang signifikan kepada para peserta untuk berbincang serta berkongsi perspektif baru dalam dunia kepustakawanan. Gabungan atau kolaborasi para pembentang kertas kerja dan peserta dari pelbagai institusi/organisasi pasti akan menghasilkan satu resolusi yang jitu dan boleh dimanfaatkan oleh perpustakaan-perpustakaan samada di dalam atau luar Malaysia dalam usaha masing-masing untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

YBhg Prof. Dato' Dr Mohamad Kadim B. Suaidi
Universiti Malaysia Sarawak

Kata Aluan Ketua Pustakawan



Selamat Sejahtera

Tema Seminar Kepustakawanan 2014 Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti sangat relevan masa kini bagi para pustakawan dan pembekal maklumat dalam melaksanakan perancangan strategi lautan biru. Dalam mentransformasikan sistem penyampaian maklumat pustakawan perlu bijak dalam mengolah sumber ilmu yang wujud dalam pelbagai bentuk dan disampaikan melalui pelbagai media supaya ianya dapat diakses oleh pengguna atau masyarakat dengan cepat dan tepat melalui inisiatif khidmat maklumat sehenti. Ini sudah semestinya akan dapat memenuhi keperluan maklumat pengguna sekali gus meningkatkan kepuasan pengguna. Bagi mencapai objektif ini beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh para pustakawan yang dapat kita saksikan melalui projek-projek ahli Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN) iaitu Repositori Institusi, *Malaysian Thesis Online (MyTo)*, *Malaysian University Libraries Serials (MyULIS)*, Sistem Pinjaman Antara Perpustakaan dan Bekalan Dokumen (*MyUShare*), Katalog PERPUN (*MALCAT*) Katalog Induk Kebangsaan, dan sebagainya. Portal k@Borneo pula bertujuan untuk membekalkan maklumat tentang Borneo yang terdapat pada kalangan ahli melalui portal tersebut. U-Pustaka juga merupakan inisiatif Perpustakaan Negara Malaysia dan ahli-ahli projek untuk membekalkan sumber maklumat kepada masyarakat dengan cepat.

Walaupun banyak inisiatif yang telah dilaksanakan tetapi masih terdapat ruang dan peluang penambahbaikan yang boleh kita ambil seperti pembangunan Repositori Institusi dan MyTO yang boleh dimantapkan lagi supaya semua bahan dalam koleksi ahli dapat didigitalkan untuk pengaksesan oleh pengguna melalui satu kotak pencarian. Projek U Pustaka juga boleh diperluaskan keahliannya supaya lebih ramai masyarakat memperoleh manfaat daripadanya.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pembentang kertas kerja dan juga peserta yang menyertai seminar ini. Kali ini pembentang-pembentang kertas kerja terdiri bukan sahaja daripada pembekal-pembekal maklumat tetapi juga pengguna-pengguna maklumat, justeru itu kita akan dapat dengar daripada kedua-dua perspektif yang berbeza. Harapan saya agar semua peserta mendapat manfaat berguna daripada pembentangan semua kertas-kerja serta sesi soal-jawab.

Akhir kata saya ingin merakamkan ucapan Tahniah dan Syabas kepada semua AJK Pelaksana Seminar Kepustakawanan 2014 di atas komitmen dan kesungguhan di dalam menjayakan seminar ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan tertinggi UNIMAS, semua Ketua Pustakawan IPTA/IPTS/ Perpustakaan Awam, pembentang kertas kerja, Bahagian Pengurusan Korporat dan Komunikasi UNIMAS, Unit Pembangunan Modal Insan UNIMAS, penaja-penaja serta pihak media yang terlibat sama di dalam penganjuran Seminar ini.

Sekian. Terima Kasih
Puan Margaret Simeng
Universiti Malaysia Sarawak

Pengenalan

Perkhidmatan sehenti merupakan instrumen yang signifikan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan. Ini merupakan matlamat penting bagi setiap perkhidmatan awam yang bergelutan untuk menyediakan perkhidmatan pada tahap tertinggi bagi memenuhi kehendak pelanggan. Dalam persekitaran yang kaya ICT dan berorientasikan perkhidmatan pada masa kini, pelanggan memang mengharapkan perkhidmatan yang sebegini.

Objektif

- Membincang dan memikirkan peranan pustakawan dan pengurus maklumat ke arah anjakan paradigma melalui percambahan idea dan ilmu baru.
- Menggalakkan perkongsian maklumat yang pintar dan lestari di kalangan institusi berkaitan dalam memperkasa perpustakaan/ pusat maklumat.
- Menjadi wadah bagi pustakawan dan pengurus maklumat dalam merealisasikan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dan khidmat serta sumbangan perpustakaan kepada masyarakat/ komuniti.

Seminar Kepustakawanan 2014

Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti

Program 25 September 2014

8.00pg-09.00pg	Pendaftaran Peserta
9.00pg-09.10pg	Aluan Ketua Pustakawan
	Sesi 1 : Sumber Ilmu
9.10pg-09.40pg	Koleksi Teras Akademik YBhg. Datin Komodhi Thaveegan Ketua Bahagian Perkhidmatan Pelanggan Perpustakaan Universiti Malaya
9.40pg-10.10pg	<i>The Practices of Customer Satisfaction Survey Among Malaysian Libraries</i> Encik Amir Hussain Md. Ishak Ketua Pustakawan Universiti Putra Malaysia
10.10pg-10.40pg	Minum Pagi
10.40pg-11.10pg	Koleksi Dokumen : Sebuah Koleksi Unik@PTSL, Pn. Norbaizura Hj. Malek Pustakawan Kanan Universiti Kebangsaan Malaysia
11.10pg-11.40pg	Inisiatif Digital Perpustakaan Politeknik Kuching Sarawak : Repositori Institusi Pn. Sabrina binti Milan Pensyarah Politeknik Kuching, Sarawak
11.40pg-12.00ptg	Q&A
12.00ptg-12.30ptg	<i>Product Highlight—Emerald</i>
12.30ptg-2.00ptg	Makan Tengahari & Rehat

Seminar Kepustakawanan 2014

Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti

Sambungan Program 25 September 2014

	Sesi 2 : Sistem & ICT
2.00ptg-2.40ptg	<i>Sistem Repositori Pengetahuan-Mykrep</i> Pn. Khadijah Binti Ismail Pengurus Projek My Knowledge Repository Portal (MyKrep) Kementerian Pendidikan Malaysia
2.40ptg-3.05ptg	<i>Whatsapp Service In Library : Open University Malaysia (OUM) Digital Library's Experience</i> En. Mohd Afiq bin Rusly Pustakawan Universiti Terbuka Malaysia
3.05ptg-3.30ptg	<i>Discovery Service as One Stop Information Service</i> Cik Sarifah Abdullah Pemangku Ketua Pustakawan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
3.30ptg-3.55ptg	<i>UMExpert dan Pengurusan Penerbitan</i> Pn. Koh Ai Peng Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik Perpustakaan Universiti Malaya
3.55ptg-4.25ptg	<i>The Library At The Crossroads: Towards Open Architecture, Interoperability And Semantic Searching In Discovery</i> Richard Levy Vice President, Discovery Innovation Asia, Africa, Oceania EBSCO Information Services
4.25ptg-4.45ptg	Q&A
4.45ptg	Minum Petang
7.00mlm-10.00mlm	Majlis Perasmian & Makan Malam

Seminar Kepustakawanan 2014

Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti

Program 26 September 2014

8.00pg-8.30pg	Pendaftaran
	Sesi 3 : Perkhidmatan
8.30pg-8.55pg	Pencarian Sehenti Repositori Institusi En. Salleh Hudin Ketua Pustakawan Universiti Utara Malaysia
8.55pg-9.20pg	Analisis Kebolegunaan Laman Sesawang Perpustakaan Universiti Sebagai Portal Maklumat Sehenti Tn. Haji Syahrul Nizam Junaini Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Malaysia Sarawak
9.20pg-9.45pg	Pelaksanaan Bacaan Pantas Di Sekolah Terpilih : Kajian Terhadap Pencapaian Peserta En. Ahmad Yazid Ahmad@Abdul Rahman Pustakawan Universiti Sains Islam Malaysia
9.45pg-10.15pg	Minum Pagi
10.15pg-10.40pg	Kajian Kepuasan Pelajar Terhadap Perkhidmatan Perpustakaan Al Basuti, IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu Dr. Nazeri Mohammad Pensyarah IPG Kampus Sultan Mizan, Terengganu
10.40pg-11.05pg	Kajian Literasi Maklumat Perpustakaan Dalam Kalangan Pelatih Tahun Akhir Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis Merealisasikan Kajian Tindakan Puan Jauriah Md Azali Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis
11.05pg-11.25pg	Q&A
11.25pg-11.45pg	Rumusan dan Resolusi Penangguhan
11.45pg	Makan Tengahari

Seminar Kepustakawanan 2014

Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti

Penaja

EBSCO Publishing

Love Reading Book Centre

ProQuest Information & Learning

Access Dunia Sdn. Bhd.

Elsevier (Singapore) Pte. Ltd.

Syarikat Arena Ilmu

YPIJBooks Com. Sdn. Bhd.

MyBookstore

Azam Ceria Sdn. Bhd.

YUHA Associates Sdn. Bhd.

Jawatankuasa Seminar

Pengerusi	Pn. Margaret Simeng
Timbalan Pengerusi	Pn. Korina Ibrahim Pn. Zainun Mat Nor
Urusetia, Kewangan, Protokol, Publisiti dan Jamuan	En. Zaiden Sanyut Cik Huzaimah Abdul Rani Pn. Siti Raffidah Tekat Pn. Habibah Matadi En. Zaidon Safiee Pn. Nor Hatijah Dan Cik Ramis Ayasamy Raman En. Justin Moris ak Edward Aoil Cik Elina Patrick Cik Racha Kuchop
Jawatankuasa Pengisian Program & Pengurusan Majlis	En. Wan Abdul Rahman Wan Bujang En. Mohd Khairol Hafiz Sanawi Cik Dyg Norsheila bt Abg Mohtar
Jawatankuasa Kertas Kerja Seminar & Pelaporan	Pn. Zainun Mat Nor Tn. Hj. Valentino Abu Bakar Pn. Sri Muniarty John Pn. Karen Kornalius
Jawatankuasa Logistik 1. Pengangkutan & Penginapan 2. Teknikal, Kecemasan & Keselamatan	Pn. Shafinaz Mohd Dahan En. Romi Mohd Tuah Seman Cik Noorazerin Alladen
Jawatankuasa Fotografi & Percetakan	En. Shahron Saman Cik Noorazerin Alladen En. Abd Rahman Hussain Mohd

Seminar Kepustakawanan 2014

Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti

Penghargaan

Bahagian Pembangunan Modal Insan, UNIMAS

Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat, UNIMAS

Bahagian Penerbitan, UNIMAS

Unit Pengangkutan, Pejabat Pembangunan

IPTA dan IPTS yang terlibat

Ahli Jawatankuasa Seminar Kepustakawanan 2014

Seminar Kepustakawanan 2014
Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehenti

Catatan

Pusat Khidmat Maklumat Akademik

www.cais.unimas.my



@CAISUNIMAS



www.facebook.com/caisunimas



[instagram.com/caisunimas](https://www.instagram.com/caisunimas)



caisunimas.blogspot.com





**Majlis Makan Malam & Perasmian
Seminar Kepustakawanan 2014
Anjuran Pusat Khidmat Maklumat Akademik
Universiti Malaysia Sarawak**

Aturcara Majlis

0700pm-0730pm Ketibaan Peserta

0730pm-0740pm Ketibaan Tetamu Jemputan

*0740pm Ketibaan YBhg Prof Dr. Kopli
Bujang, Timbalan Naib
Canselor Penyelidikan &
Inovasi UNIMAS*

Bacaan Doa

Ucapan Perasmian

Makan Malam

